

**SOALAN NO. 442**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH**  
**[ LEDANG ]**

**SOALAN NO. 442**

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini TASKA tempat kerja di bangunan-bangunan Kerajaan dan berapakah bilangannya menjelang 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-pertua,

TASKA di tempat kerja sektor awam didaftarkan sehingga Januari 2019 adalah sebanyak **220** buah TASKA. Unjuran sebanyak **75** buah TASKA di tempat kerja sektor awam baharu akan ditubuhkan menjelang tahun 2020.

Hasil pengauditan TASKA di tempat kerja pada tahun 2018 mendapati bahawa sebanyak 541 daripada 836 buah Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri belum menubuhkan TASKA.

Pada tahun 2019, Geran bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja telah dibuka permohonan dari 24 Januari hingga 7 Februari 2019 kepada semua agensi kerajaan yang tidak mempunyai TASKA. Sebanyak 52 permohonan yang diterima dari agensi kerajaan telah disemak oleh urusetia, iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat negeri dan ibu pejabat.